

14 JUN 2002

Mahathir-Tiba (Bergambar)

DR MAHATHIR KEMBALI DARI LAWATAN RASMI KE EROPAH

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tiba di tanah air selepas membuat lawatan rasmi selama seminggu ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg.

Beliau yang ditemani isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba dengan jet eksekutif di pangkalan TUDM Subang di sini pada pukul 8.50 pagi tadi.

Antara yang berada di pangkalan TUDM bagi menyambut kepulangan beliau ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting dan beberapa orang timbalan menteri.

Semasa lawatannya, Dr Mahathir telah mengadakan pertemuan dengan Pope John Paul II di Vatican City atas jemputan pemimpin tertinggi Gereja Katolik itu pada 7 Jun lepas sebelum berlepas ke Switzerland pada 9 Jun untuk lawatan rasmi tiga hari.

Semasa di Switzerland, Dr Mahathir telah melawat pusat Sauber Petronas di Hinwill selain menyampaikan ucapan pada sesi ke-90 Persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Geneva.

Dr Mahathir mengakhiri lawatannya dengan melawat Luxembourg serta mengadakan pertemuan dengan para pemimpin, tokoh kewangan dan ahli perniagaan negara itu.

-- BERNAMA

AT ZS MOZ